

15 SEP 1998

Kuan Yew-reaksi

KUAN YEW PUTARBELITKAN SEJARAH, KATA SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata tuduhan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew bahawa Malaysia "membuli dan mengugut" republik itu sepanjang tempoh singkat dalam Persekutuan Malaysia sebagai satu manipulasi sejarah.

"Macam-macam soal lama diungkit, perasaan perkauman ditiup seolah-olah dia yang tentukan sejarah kita. Saya lihat yang penting ialah dia pandai guna fakta dan tulis seolah-olah gambaran itu adalah sejarah sebenar.

"Ini adalah manipulasi sejarah dan fakta-fakta sejarah yang saya fikir adalah tidak sihat untuk seorang pemimpin yang pernah memegang jawatan tertinggi," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara kementeriannya dengan DRB-Hicom Defence Technologies di Mindef di sini.

Dalam satu biografi pendek yang disiarkan di Singapura oleh Sunday Times, bekas Perdana Menteri Singapura itu juga menuduh UMNO menjadi dalang dalam rusuhan kaum yang berlaku di pulau itu pada 1964.

Syed Hamid, yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, berkata penulisan sedemikian bukan memulihkan keadaan antara kedua-dua negara sebaliknya akan memburukkan lagi keadaan.

"Saya tengok cara dia buat memoir itu dia tunjukkan kurangnya semangat kejiwaan dan kurang sensitif pada perasaan jiran dan tunjuk satu sikap yang nampak angkuh dan sombong bahawa pandangannya sahaja yang betul," katanya.

Syed Hamid berkata beliau percaya rakyat Malaysia akan berhati-hati dengan penulisan sedemikian kerana sentiasa mempunyai kesabaran dan toleransi walaupun diprovokasi.

Lee, yang menjadi Perdana Menteri dari 1959 hingga 1990, berkata pemimpin UMNO seperti bekas Setiausaha Agung Syed Jaafar Albar, telah membangkitkan kebencian kaum di Singapura yang membawa kepada rusuhan 1994 yang mengorbankan 23 nyawa.

Sementara itu, parti Gerakan menggesa Singapura supaya memandang ke hadapan daripada memainkan isu-isu sensitif lama berhubung hubungannya dengan Malaysia.

"Gerakan meminta Singapura supaya melupakan isu-isu lama yang menjadi "duri dalam daging" dalam hubungan kedua-dua negara tetapi sebaliknya berusaha memperbaiki hubungan dua hala," kata timbalan setiausaha agungnya, Dr Tan Kee Kwong dalam satu kenyataan.

Tan yang turut menyokong kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Singapura bukan jiran yang baik, berkata Malaysia sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan semua jiran terdekatnya.

Timbalan Pengerusi DAP, Karpal Singh, pula berkata keputusan Lee menerbitkan memoirnya selepas berlaku perselisihan faham dengan Malaysia baru-baru ini adalah sesuatu yang tidak sepatutnya dibuat.

Katanya, pemimpin Singapura itu tidak sepatutnya membangkitkan sensitiviti rakyat Malaysia dengan menyatakan bahawa Tunku Abdul Rahman ada memberitahu Pesuruhjaya Tinggi Britain pada hari Singapura keluar Malaysia bahawa Singapura boleh dikawal melalui bekalan air dan tekanan pada peringkat lain.

Karpal Singh berkata walau apa sekalipun punca berlakunya rusuhan kaum di Singapura pada 1964, Lee tidak seharusnya menjadikannya sebagai bahan memoir "yang dia seharusnya simpan sendiri".

Lee seharusnya memberikan sebab-sebab sebenar Singapura disingkirkan daripada Persekutuan Malaysia, kata Karpal Singh.

-- BERNAMA

RV oba